


LAND LAWS AND REGULATIONS

ED9591



NOOR ASMIDA BT ABU BAKAR



First Edition
First Print 2024
© Politeknik Merlimau, 2024

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission from Director of Polytechnic Merlimau.

NOOR ASMIDA BINTI ABU BAKAR

Published by:
Politeknik Merlimau Melaka
Kementerian Pendidikan Tinggi,
77300 Merlimau Melaka

Tel: 06-2636687
Fax: 06-2636678
<http://www.pmm.edu.my>

	Cataloguing-in-Publication Data Perpustakaan Negara Malaysia A catalogue record for this book is available from the National Library of Malaysia
--	---

	eISBN
--	---------------------



PRAKATA

Bersyukurnya kehadiran Allah SWT dengan limpah kurnia-Nya memberikan ilmu dalam menghasilkan buku *Land Laws & Regulations* ini. Buku ini diterbitkan sebagai panduan atau rujukan kepada semua pensyarah dan pelajar dalam bidang Geomatik. Buku ini ditulis dalam bahasa yang mudah difahami dengan kandungan tiga bab yang disusun secara sistematik bagi membolehkan pembaca mendapat pengetahuan berkaitan pentadbiran tanah di Semenanjung Malaysia, pelupusan tanah secara pemberimilikan dan pelupusan tanah dengan cara selain daripada pemberimilikan. Semoga buku ini dapat memberi manfaat dalam semua aspek kepada pembaca amnya dan pelajar khususnya.

NOOR ASMIDA BINTI ABU BAKAR

Bukan senang nak senang
Bukan susah nak susah



ISI KANDUNGAN

1

Pengenalan Pentadbiran Tanah
di Semenanjung Malaysia

2

Pelupusan Tanah dengan Cara
Pemberimilikan

3

Pelupusan Tanah dengan Cara
Selain daripada Pemberimilikan



BAB 1

Pengenalan Pentadbiran Tanah di Semenanjung Malaysia

<https://youtu.be/ZMscuGCf0Xw?si=PPzZlvq87ZWfj7JN>



PENTADBIRAN TANAH SEBELUM KANUN TANAH NEGARA (KTN)

1

SISTEM TANAH TRADISIONAL MELAYU


2


SISTEM REGISTRATION OF DEEDS

3

SISTEM TORRENS

Pemilikan tanah berdasarkan pendudukan seseorang di atas tanah tersebut.



TANAH HIDUP**TANAH KAMPUNG**

DEFINISI : adalah tanah yang ditanami dengan pokok buah-buahan.

Pemilikan ke atasnya berlaku selama mana tanah itu diduduki dan selepasnya asalkan ia ditanami dengan pokok buah-buahan (bukti tanah tersebut adalah tanah hidup).

TANAH SAWAH / BENDANG

DEFINISI : adalah tanah yang berair dan ditanami dengan padi.

Pemilikannya berlaku selama mana tanah itu diduduki atau sepanjang 3 tahun selepasnya.

TANAH BUKIT

DEFINISI : adalah tanah bukit yang biasanya digunakan untuk bercucuk tanam (tanaman yang tidak kekal).

Pemilikan berlaku selama mana tanah ini diduduki (biasanya 1 musim).

Pemilikan tanah adalah atas pemberian tanah oleh kerajaan samada secara lisan atau bertulis.

KELEMAHAN :

Hakmilik tidak dijamin oleh kerajaan.

Pendaftaran urusan niaga tidak diwajibkan.

Pembeli tidak mendapat jaminan hakmilik.

Jual beli hanya menggunakan Surat Ikatan.

Penyemakan hakmilik yang sah hanya dibuat di hadapan peguam (memerlukan belanja yang besar)

Berasal dari Australia Selatan

Diperkenalkan oleh Sir Robert Torrens

Pada tahun 1858

Memberi jaminan & kesenangan kepada segala urusan tanah dengan adanya "surat hakmilik"

CIRI-CIRI


Hakmilik tanah yang sah dengan adanya sempadan-sempadan ditentukan dengan tepat melalui pengukuran.

Tiap-tiap orang yang memiliki tanah akan memegang satu dokumen hakmilik yang jelas & dijamin oleh kerajaan.

KELEBIHAN

Hakmilik bagi tanah itu dan hak-hak semua orang yang memegang pajakan / gadaian tidak boleh disangkal.

Tiap-tiap orang boleh memperniagakan tanah secara pendaftaran yang mudah.




UNDANG-UNDANG TANAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA SEBELUM KTN

Pahang, N.Sembilan, Selangor & Perak	Land Code (Cap.138)
Pulau Pinang & Melaka	Land Ordinance (Cap.113)
Johor	Land Enactment 1910
Kedah	Land Enactment 1906
Kelantan	Land Enactment 1926
Perlis	Land Enactment 1938
Terengganu	Land Enactment 1929



PENTADBIRAN TANAH SELEPAS KANUN TANAH NEGARA (KTN)





DEFINISI TANAH :

JENIS TANAH MENGIKUT BIDANG KUASA:

❖ adalah semua tanah di dalam negeri itu termasuk dasar sungai, tepi pantai & dasar laut, tidak termasuk Tanah Milik, Tanah Rizab, Tanah Lombong & Tanah Hutan Simpan.

TANAH KERAJAAN



❖ adalah mana-mana tanah termasuk mana-mana petak bangunan yang pecah sempadan, yang telah didaftarkan hakmilik samada tetap @ sementara, samada diberi milik di bawah Akta KTN @ Undang-undang Tanah terdahulu, tidak termasuk tanah lombong.

TANAH MILIK



❖ adalah tanah yg pada masa itu di rizabkan untuk maksud awam di bawah seksyen 62 KTN @ Undang-Undang Tanah terdahulu.

TANAH RIZAB



❖ adalah mana-mana tanah yg dirizabkan sebagai Rizab Hutan di bawah undang-undang perhutanan.

TANAH RIZAB HUTAN



❖ adalah tanah yg telah dikeluarkan pajakan lombong @ sijil lombong di bawah undang-undang bertulis mengenai perlombongan yang terpakai pada masa itu.

TANAH LOMBONG



JENIS TANAH MENGIKUT KAWASAN:



- Limits of Territory Irrigation - 3 nautical miles from the beaches
- Limits of International Irrigation - 12 nautical miles



KUASA MENTADBIR TANAH

Pentadbiran tanah dalam sesebuah negeri adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

KUASA PIHAK BERKUASA NEGERI DI BAWAH WARTA KERAJAAN:

- ☐ Membahagikan **negeri** kepada **daerah-daerah**.
- ☐ Membahagikan **daerah** kepada **daerah-daerah kecil**.
- ☐ Membahagikan **daerah-daerah kecil** kepada **mukim-mukim**.
- ☐ **Mengubah sempadan** mana-mana daerah, daerah kecil, mukim, bandar / pekan.
- ☐ **Mengisytiharkan** mana-mana kawasan dalam negeri sebagai bandar / pekan.

M

Manusia biasa yang berumur 18 tahun ke atas.

P

Perbadanan-perbadanan yang diberi kuasa oleh perlembagaan utk memegang tanah.

R

Raja pemerintah, kerajaan, organisasi dan lain-lain orang yang diberi kuasa memegang tanah dibawah Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957.

B

Badan-badan yang diberi kuasa secara nyata untuk memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Orang / badan yang layak memiliki tanah menurut Sek. 43 KTN :

Seksyen 43, KTN



LATIHAN BAB 1 :

1. Huraikan tentang Prinsip Cermin dan Prinsip Tabir yang diguna pakai di bawah Sistem Torrens.
2. Terangkan LIMA (5) kuasa Pihak Berkuasa Negeri mengikut pemberitahuan dalam Warta Kerajaan.
3. Tunjukkan TIGA (3) perbezaan antara pentadbiran tanah secara Sistem Tradisional dengan pentadbiran tanah secara Sistem Torrens.
4. Terangkan definisi 'TANAH' menurut Seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965.
5. Disebalik kuasa-kuasa pelupusan yang ada pada Pihak Berkuasa Negeri, Kanun Tanah Negara juga menghadkan kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Kenalpasti EMPAT (4) perkara yang Pihak Berkuasa Negeri tidak boleh lakukan di bawah bab pelupusan.
6. Nyatakan orang dan badan-badan yang layak memiliki tanah mengikut Seksyen 43, Kanun Tanah Negara.
7. Kenalpasti jenis-jenis tanah sebelum Kanun Tanah Negara (KTN) 1965.

BAB 2

PELUPUSAN TANAH DENGAN CARA PEMBERIMILIKAN

PELUPUSAN TANAH (PEMBERIMILIKAN)

Apa itu 'PELUPUSAN' ?

Apa-apa pelupusan tanah @ ruang udara yang dibuat oleh PBN dlm menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Sek.42 KTN @ Undang-2 Tanah terdahulu.

Nyatakan **JENIS TANAH** yang boleh diberimilik

Tanah kerajaan

(Tanah tepi pantai & dasar laut hanya boleh diberi pajakan tidak melebihi 99 tahun)

Apa yang boleh dilupuskan ?

Tanah / Ruang Udara

Siapa yang mempunyai kuasa pelupusan ?

PBN (Raja @ Gabenor negeri itu)

Apa maksud 'PEMBERIMILIKAN' ?

Melupuskan tanah kerajaan untuk selama-lamanya @ untuk satu tempoh masa yang ditetapkan mengikut peruntukan Sec.76 KTN @ Undang-undang Tanah terdahulu.

**Membenarkan
penggunaan ruang
udara di atas tanah
kerajaan @ tanah
rizab.**



**Membenarkan pengeluaran
& pemindahan bahan
batuan daripada mana-
mana tanah selain hutan
simpan.**



**Merizab tanah kerajaan &
memberi pajakan tanah
rizab
(tidak lebih 21 tahun) –
Sek.63 KTN.**

**Memberi milik tanah
kerajaan untuk suatu
jangka masa tidak
melebihi 99 tahun @
untuk selama-lamanya –
Sek.76 KTN.**

**KUASA PIHAK BERKUASA NEGERI DALAM PELUPUSAN
TANAH – SEK. 42 NLC :**

Disebalik Kuasa~kuasa Pelupusan Yang Ada Pada PBN, KTN Juga Menghadkan Kuasa PBN Iaitu :

- 1 Tidak boleh melupuskan mana-mana tanah bagi maksud melombong.
- 2 Tidak boleh membenarkan pengambilan / pengalihan bahan batuan daripada mana-mana tanah bagi maksud mendapatkan logam / galian daripadanya.
- 3 Tidak boleh melupuskan mana-mana tanah bagi maksud pengambilan hasil hutan daripadanya.
- 4 Tidak boleh memberimilik tanah pertanian yang kurang 2/5 hektar kepada lebih daripada seseorang / badan (kecuali dalam keadaan luar biasa).

PELUPUSAN TANAH DENGAN CARA PEMBERIMILIKAN

PERKARA YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN OLEH "PBN" SEMASA MELULUSKAN PEMBERIAN HAK MILIK TANAH :

Keluasan Tanah

Tempoh Pegangan

Jenis Hakmilik

Kadar Cukai Tahunan

Kadar Premium (Jika Dikenakan)

Jenis Kategori (Jika Dikenakan)

Syarat Nyata (Jika Dikenakan)

Sekatan Kepentingan (Jika Dikenakan)

BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN SETELAH MENDAPAT HAKMILIK TANAH :

Cukai tahun pertama :

- ✿ Cukai yg perlu dibayar semasa pemberimilikan diluluskan
- ✿ Dikira berdasarkan keluasan tanah yg diluluskan

Premium

Bayaran Upah Ukur

Bayaran penyediaan & pendaftaran dokumen-dokumen hakmilik sementara & hakmilik tetap.




PEMBERIMILIKAN

Pemberian tanah kerajaan bermula daripada PENDAFTARAN DOKUMEN HAKMILIKNYA – Sec.78 (3) NLC.

Cukai hendaklah dibayar bermula pada awal tahun tanah itu diberimilik & jika diberimilik selepas bulan September tahun itu, cukainya bermula daripada awal tahun berikutnya. – Sec.94 (1) NLC.

Apabila hakmilik didaftarkan (samada hakmilik sementara @ hakmilik kekal) PBN menjamin hakmilik itu & tidak boleh disangkal lagi.

HAK-HAK PEMILIK TANAH :

- 
- 1 Berhak untuk memindahmilik, memajak, menggadai, menlien, memberi tenansi, memberi ismen dan lain-lain urusan niaga.
 - 2 Berhak memecah sempadan, memecah bahagian, menyatukan & memecah bahagi bangunan.
 - 3 Berhak mengubah kategori tanah, membatalkan @ meminda syarat nyata / sekatan kepentingan.
 - 4 Berhak menggunakan & menikmati secara yang munasabah seluas mana ruang udara yang ada di atas permukaan tanahnya & tanahnya yang ada di bawah permukaan bumi.
 - 5 Berhak menyerahkan balik kesemua @ sebahagian daripada tanahnya.
 - 6 Berhak untuk mewasiatkan hartanya.

JENIS HAKMILIK

HAKMILIK TETAP

- Hakmilik yang dikeluarkan untuk tanah yang telah diukur secara halus.

HAKMILIK SEMENTARA

- Hakmilik yang dikeluarkan untuk tanah yang belum diukur secara halus.

HAKMILIK PEJABAT PENDAFTAR

Hakmilik yang didaftarkan di **Pejabat Daftar Negeri** oleh **Pendaftar Hakmilik**.

Hakmilik ini bagi **tanah bandar, pekan, tanah desa yang luasnya lebih 10 ekar & tanah pinggir pantai @ dasar laut**.

Dokumen Hakmilik – **Geran Negeri** untuk hakmilik selama-lamanya @ **Pajakan Negeri** untuk tempoh yang tertentu.

HAKMILIK PEJABAT TANAH

Hakmilik yang didaftarkan di **Pejabat Tanah & Daerah** oleh **Pentadbir Tanah**.

Hakmilik ini bagi **tanah kampung yang kurang dari 4 hektar & tanah dalam kawasan penempatan berkelompok (GSA)**.

Dokumen Hakmilik – **Geran Mukim** untuk hakmilik selama-lamanya @ **Pajakan Mukim** untuk tempoh yang tertentu.

BENTUK HAKMILIK

Di bawah KTN terdapat perkara-perkara yang menentukan bentuk hakmilik iaitu:

LOKASI

Tanah bandar (hakmilik pejabat daftar), manakala tanah pekan atau desa (hakmilik pejabat tanah)

KELUASAN

Tanah desa > 4hektar (hakmilik pejabat daftar), manakala tanah desa < 4hektar (hakmilik pejabat tanah)

TEMPOH PEGANGAN

Tanah diberimilik utk selama-lamanya (Hakmilik Kekal) @ suatu tempoh tertentu (Hakmilik Pajakan)

PENGUKURAN

Tanah yg BELUM diukur halus (Hakmilik Sementara) & Tanah yg TELAH diukur halus (Hakmilik Tetap)




DOKUMEN HAKMILIK DAFTAR (DHD)

Apa-apa dokumen yang didaftarkan / disediakan untuk pendaftaran di bawah KTN / undang-undang terdahulu bagi membuktikan hakmilik kepada sesuatu tanah.

DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN (DHK)

Apa-apa dokumen yang dikeluarkan kepada mana-mana pemilik tanah. Ianya merupakan satu salinan / sebahagian daripada DHD.



Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) :

- mengandungi Geran Negeri dalam B-5B / Pajak Negeri dalam B-5C.
- mengandungi pelan tanah yang telah diakui benar oleh pengarah JUPEM (PA).
- disimpan di Pejabat Pendaftar.
- dijilidkan dalam satu buku & diberi no. siri bagi Geran Negeri / Pajak Negeri.
- disediakan & didaftarkan oleh Pendaftar, tapi disimpan oleh Pentadbir Tanah (bagi pihak pemilik).

Dokumen Hakmilik Keluaran (DHK) :

- Untuk simpanan pemilik.
- Mengandungi satu salinan DHD & PA.

Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) :

- mengandungi Geran Mukim (B-5D) / Pajak Mukim (B-5E).
- mengandungi pelan tanah yang telah diakui benar oleh pengarah JUPEM (PA).
- disediakan dlm Buku Daftar Mukim.
- disimpan kepada pemilik melalui Pentadbir Tanah.


Dokumen Hakmilik Keluaran (DHK) :

- Untuk simpanan pemilik.
- Mengandungi satu salinan DHD & PA.


KAEDAH PELUPUSAN TANAH KERAJAAN

SECARA DIRANCANG	SECARA TIDAK DIRANCANG
❖ Pemilihan tanah dibuat terlebih dahulu oleh kerajaan. ❖ Setelah ditentukan kesesuaiannya barulah Pejabat Tanah mempelawa orang ramai untuk membuat permohonan. ❖ PBN akan memilih permohonan yang layak untuk diluluskan. ❖ Pelupusan cara ini dibuat di bawah Akta Penempatan Berkelompok 1960. ❖ Contoh : tanah kg. tersusun / kg. baru.	❖ Orang perseorangan / badan-badan tertentu di atas daya usaha sendiri memohon untuk memiliki sesebidang tanah. ❖ Permohonan ini biasanya dibuat bagi tanah yang masih belum diberimilik / tanah-tanah tersepit.

Keadaan dimana tanah berimilik boleh kembali menjadi tanah kerajaan :



PROSES PERMOHONAN HAK MILIK TANAH



LATIHAN BAB 2 :




1. Bincangkan kuasa Pihak Berkuasa Negeri dalam pelupusan tanah yang dinyatakan dalam Seksyen 42, KTN.
2. Terangkan maksud pelupusan tanah dan kepada siapa tanah boleh dilupuskan.
3. Kenalpasti keadaan-keadaan dimana tanah bermilik boleh kembali menjadi tanah kerajaan.
4. Terangkan dengan jelas proses permohonan hakmilik tanah dari awal sehingga dokumen hakmilik dikeluarkan.
5. Terangkan maksud pemberimilikan dan kenalpasti EMPAT (4) perkara yang harus dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri apabila meluluskan pemberimilikan tanah.
6. Tunjukkan perbezaan antara Hakmilik Sementara dan Hakmilik Tetap serta kenalpasti sekatan kepentingan bagi hakmilik sementara.
7. Kenal pasti jenis tanah di bawah Hakmilik Pejabat Daftar dan tanah di bawah Hakmilik Pejabat Tanah serta terangkan faktor-faktor yang menentukan jenis hakmilik tanah.

BAB 3



PELUPUSAN TANAH DENGAN CARA SELAIN DARIPADA PEMBERIMILIKAN



**LESEN
PENDUDUKAN
SEMENTARA**

PERMIT

**PAJAKAN TANAH
RIZAB**

PELUPUSAN SELAIN PEMBERIMILIKAN

Pelupusan selain daripada pemberimilikan adalah melalui pemberian Lesen Pendudukan Sementara (LPS) / Permit / Pajakan

LPS (Lesen Pendudukan Sementara) / TOL (Temporary Occupation Licences)

- ❑ LPS bermaksud satu lesen yang dikeluarkan dibawah Bab 2 Bhgn 4 KTN.
- ❑ LPS adalah kebenaran bertempoh bagi maksud apa-apa jua selain daripada untuk melombong, mengeluarkan logam, galian @ hasil hutan. – Sek. 65 KTN.

TOL (FORM 4A)

Tujuan :

1. Bercucuk tanam bagi tanaman yang tidak kekal / tanaman bermusim.
2. Mendirikan rumah / binaan jenis sementara / yang boleh dialih.
3. Pertunjukan awam seperti sarkas.

TOL (FORM 4B)


Tujuan :


1. Untuk menduduki, mengambil, mengalih & mengangkut bahan batuan.
2. Mendirikan binaan bagi tujuan kerja-kerja tersebut.

PERBEZAAN LPS (BORANG 4A) & LPS (BORANG 4B)

	TOL (FORM 4A)	TOL (FORM 4B)
TEMPOH	1 tahun, yang akan tamat pd 31 Dis setiap tahun	Tidak lebih 5 tahun
PEMOHON YANG LAYAK	❖ Mereka yang disenaraikan dibawah seksyen 43 KTN. ❖ Orang Melayu sahaja bagi tanah dalam Kawasan Simpanan Melayu. ❖ Orang Asli sahaja bagi tanah dalam Kawasan Simpanan Orang Asli. ❖ Di Kelantan hanya untuk rakyat Kelantan.	Hanya kepada mereka yang disenaraikan dibawah seksyen 43 KTN.

PERSAMAAN LPS (BORANG 4A) & LPS (BORANG 4B)





PERMIT

PERMIT (BORANG 4C)

Tujuan :

Mengambil, mengalih & mengangkut bahan batuan

TEMPOH PERMIT 4C :

1 tahun yang akan tamat pada 31 Dis setiap tahun

JENIS TANAH :

Tanah Kerajaan
Tanah Milik
Tanah Lombong
Tanah Rizab Awam

PERMIT (BORANG 4D)

Tujuan :

- ❶ Untuk menggunakan ruang udara.
- ❷ Untuk melintasi / melalui Tanah Kerajaan / Tanah Rizab bagi proses mendirikan apa-apa binaan.
- ❸ Untuk mendirikan binaan di atas Tanah Kerajaan / Tanah Rizab - LRT / Jejantas.

TEMPOH PERMIT 4D :

Tidak lebih 21 tahun



PAJAKAN TANAH RIZAB

Tanah rizab adalah **tanah kerajaan** yang pada masa itu dirizabkan untuk **tujuan awam** mengikut peraturan seksyen 62 KTN atau mana-mana undang-undang terdahulu.

Tanah rizab ini berlainan daripada tanah rizab Melayu, rizab hutan, rizab orang asli atau rizab hidupan liar yang diwujudkan mengikut peruntukan undang-undang yang berkenaan.

PBN boleh merizabkan mana-mana tanah kerajaan untuk tujuan awam dengan pengisytiharan dalam warta.

Pengisytiharan itu hendaklah :

- 📖 Menyatakan tanah yang dirizabkan
- 📖 Menyatakan tujuan ianya dirizabkan
- 📖 Menentukan pegawai yang pada masa itu berhak mengawal tanah rizab itu
- 📖 Menyatakan bukti muktamad tanah yang dinyatakan adalah dirizabkan untuk tujuan awam

Salinan pemberitahuan hendaklah disiarkan mengikut peraturan seksyen 433

PROSES PERIZABAN TANAH KERAJAAN

KUASA MEMAJUKAN TANAH RIZAB

PAJAKAN

- PBN boleh memberi **pajakan** atas kesemua atau sebahagian daripada **tanah yang dirizabkan** untuk tempoh tidak melebihi **21 tahun**, atas permohonan daripada pegawai yang pada masa itu mengawal rizab itu atau mana-mana orang/badan yang telah mendapat kebenaran pegawai yang mengawal.

BORANG

- Pajakan yang diberi hendaklah menggunakan **Borang 4E** dan hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada syarat-syarat atau lain-lain peruntukan yang terkandung di dalam apa yang tidak bercanggah dengan yang telah ditentukan.

PBN boleh pada bila-bila masa membatalkan **keseluruhan** atau **sebahagian** tanah rizab.

Pemberitahuan **cadangan pembatalan** perizaban hendaklah **disiarkan dalam warta** bersekali dengan butiran **masa dan tempat** di mana siasatan akan diadakan mengenainya oleh **Pengarah Tanah Negeri**. Salinan notis yang telah diwartakan hendaklah disiarkan menurut seksyen 433 KTN.

Pengarah Tanah melaporkan kepada **PBN jenis-jenis bantahan** terhadap cadangan itu yang diterima pada masa menjalankan siasatan dan pandangannya mengenai bantahan-bantahan itu dan mengenai cadangan itu.

PBN boleh **membatalkan perizaban** mengikut yang dicadangkan atau diubah seperti PBN kehendaki.

Pajakan yang ada di atas tanah itu hendaklah **terus berkuatkuasa** sehingga **tamat** walaupun rizab dibatalkan.

PEMBATALAN PERIZABAN

Seksyen 64, KTN



LATIHAN BAB 3 :



1. Terangkan maksud bagi Lesen Pendudukan Sementara.
2. Kenalpasti LIMA (5) syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh seseorang pemegang Lesen Pendudukan Sementara (LPS).
3. Kenalpasti orang atau badan yang layak memohon Lesen Pendudukan Sementara, Borang 4A.
4. En. Firdaus telah mendapat Lesen Pendudukan Sementara (LPS) Borang 4A, namun selepas 6 bulan lesennya telah ditamatkan. Bincangkan punca-punca yang boleh menyebabkan lesennya dibatalkan.
5. Kenalpasti hak-hak pemegang Lesen Pendudukan Sementara Borang 4B dan Permit Borang 4C serta nyatakan aktiviti yang memerlukan permohonan Lesen Pendudukan Sementara Borang 4B.
6. Permit Borang 4D adalah untuk permohonan berkaitan penggunaan ruang udara tanah kerajaan. Terangkan cara permohonan permit ini dan tempoh permit.
7. Kenalpasti tujuan pengeluaran permit Borang 4D.

Reference :

Kanun Tanah Negara 1965 (pindaan terkini)

Perlembagaan Persekutuan (pindaan terkini)

Principles of Malaysian Land Law(2008), Terbitan Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

Manual Kanun Tanah Negara (2003), Terbitan Koperasi Pegawai Pentadbiran dan Pengurusan Tanah Malaysia Berhad dengan Kerjasama Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Kuala Lumpur.

Monograf Pengenalan Kepada Undang-Undang Tanah (2002), Jabatan Pentadbiran Tanah Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor

Razani Abd. Rahim, (2002), Pengenalan Kepada Undang-Undang Tanah, Jabatan Pentadbiran Tanah, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor

TAMAT

**“Bukan Senang Nak Senang
Bukan Susah Nak Susah”**

NANTIKAN EDISI 2

